

Tabiat Mengorek Telinga Boleh Mengundang Bahaya



Oleh: Nur Izzati Binti Ab Ghaffar

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 6 Ogos 2021



Sumber: Google

Tidak ramai yang tahu kesan buruk yang bakal menimpa apabila seseorang itu mengorek telinga secara keterlaluan sehingga boleh mencederakan gegendang. Penjagaan telinga memang penting untuk memastikan kebersihannya terjaga namun ia perlu dilakukan secara berhati-hati.



Sumber: Google

Pegawai Perubatan Sarjana Pembedahan Telinga, Hidung, Tekak, Kepala & Leher Pusat Perubatan Universiti Malaya, Dr Ezairy M Salih berkata, tabiat mengorek telinga menggunakan putik kapas, besi atau apa sahaja alat seumpamanya adalah tidak baik dan perlu dielakkan.

Walau bagaimanapun, kita dapat melihat bahawa masih ramai yang suka mengorek telinga sedangkan mereka tidak tahu bahawa tahi telinga itu mempunyai fungsi yang luar biasa.

Masih ramai yang mempertahankan persepsi bahawa tahi telinga menimbulkan rasa kurang selesa. Mereka beranggapan tahi telinga perlu sentiasa dibuang dan dibersihkan.

Pakar Perunding Telinga, Hidung dan Tekak (ENT) Hospital Pakar Avisena, Dr Iqbal Farim Rizal Wong menjelaskan, tahi telinga adalah cairan likat yang penting dan perlu ada bagi memastikan habuk dan kotoran luar tidak masuk ke dalam saluran telinga.

Bahkan, terdapat kajian yang mengatakan bahawa tahi telinga mengandungi fungsi antibiotik yang berperanan melindungi bahagian dalam telinga seandainya terjadi jangkitan kuman.

Tahi telinga bertindak memerangkap kotoran dan objek lain daripada memasuki ke dalam telinga kita. Selain itu, ia membantu melembapkan serta mencegah kulit salur telinga kita daripada menjadi kering dan gatal.

Sehubungan itu, persepsi masyarakat seharusnya diubah dengan menjelaskan fakta berkaitan tahi telinga, fungsinya serta cara untuk membersihkan tahi telinga dengan menggunakan alatan yang tidak mengundang bahaya.

Dr Iqbal menambah, tahi telinga akan keluar bersama kotoran yang ada dalam telinga secara semula jadi pada bila-bila masa. Maka, tidak sepatutnya ia menjadi suatu kekusaran jika tidak mengorek telinga selalu.



Sumber: Portal My Health

Kita sering mendengar mengenai mereka yang mengadu kesakitan akibat keradangan atau kecederaan dalam telinga. Ada dalam kalangan mereka yang gegandang telinganya pecah dan bernanah.

Kebanyakan masalah itu berpunca daripada tabiat mengorek telinga menggunakan alat yang membahayakan diri mereka sendiri.

Sebagai contoh, penggunaan putik kapas sebenarnya tidak membantu langsung kerana kebiasaannya ia akan menyebabkan tahi telinga kita semakin tertolak ke dalam saluran telinga.

Jika dibiarkan lama, boleh berlaku jangkitan atau keradangan pada saluran telinga yang dikenali sebagai *otitis externa*.

Bagi mereka yang ingin membersihkan rongga telinga, mereka boleh berbuat demikian dengan menggunakan putik kapas yang tidak mudah terlerai. Langkah ini bagi mengelakkan putik kapas tercacir di dalam telinga.

Sebaik-baiknya, bersihkan bahagian luaran telinga dengan menggunakan kain yang bersih. Jika telinga tersumbat, cuba titis minyak zaitun bagi melembutkan tahi telinga.

Kita boleh juga berjumpa dengan doktor pakar telinga bagi membersihkan bahagian rongga telinga atau gunakan ubat titis yang dijual di farmasi.